



Masa 1 jam 15 Minit

**BAHAGIAN A**

(20 MARKAH)

1. Maksud alam ghaib ialah alam yang \_\_\_\_\_
- A Boleh diketahui kewujudannya melalui perkhabaran rasul.
  - B Boleh dijadikan sebagai tempat tinggal manusia.
  - C Boleh ditafsir dan diterokai oleh akal manusia.
  - D Boleh ditanggapi oleh pancaindera manusia.
2. Mereka-reka perkara baru dalam agama yang tidak diamalkan pada zaman Rasulullah s.a.w dan Khulafa Ar-Rasyidin.
- Pernyataan di atas menerangkan tentang \_\_\_\_\_
- A Syirik
  - B Riddah
  - C Bidaah
  - D Kufur
3. Musyarakah merujuk kepada \_\_\_\_\_
- A Suatu akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dalam sesuatu kegiatan ekonomi.
  - B Mewakilkkan sesuatu barang atas harta yang berbeza kepada pihak lain untuk disimpan.
  - C Kontrak untuk membeli sesuatu barangan dengan bayaran tertangguh
  - D Sesuatu barang sebagai cagaran bagi sesuatu hutang.
4. Pilih pasangan yang benar tentang jenis pekerjaan dan kelebihannya.
- |     | Jenis pekerjaan | Kelebihan                              |
|-----|-----------------|--|
| I   | Makan gaji      | Pendapatan tetap.                      |
| II  | Bekerja sendiri | Risiko ditanggung bersama.             |
| III | Bekerja sendiri | Bebas membuat keputusan sendiri.       |
| IV  | Makan gaji      | Tidak terikat dengan waktu dan tempat. |
- A I dan II.
  - B I dan III.
  - C II dan III .
  - D III dan IV.
5. Manakah antara perbuatan berikut yang tergolong dalam sifat mahmudah ?.
- I Mencuri
  - II Berzina
  - III Berkasih sayang
  - IV Tolong menolong
- A I dan II.
  - B I dan III.
  - C II dan III .
  - D III dan IV.

- 6 Qadha bermaksud \_\_\_\_\_
- A Keputusan yang diputuskan oleh pihak mahkamah.
  - B Kefahaman tentang hukum amali yang diambil daripada hukum syarak.
  - C Usaha yang bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan hukum syarak.
  - D Keputusan yang telah diwartakan berhubung dengan hukum syarak bagi masalah semasa.
- 7 Manakah antara berikut bukan ciri orang yang bertawakkal kepada Allah s.w.t ?
- A Sentiasa berdoa.
  - B Redha dengan ketentuan Ilahi.
  - C Berusaha bersungguh-sungguh.
  - D Meyakini takdir Allah s.w.t tidak akan berubah.
- 8 Ibadat yang dilakukan tanpa syariat akan menyebabkan
- I Ibadat tidak diterima Allah.
  - II Kesesatan dan penyelewengan dalam ibadat.
  - III Ibadat yang dilakukan tidak sempurna dan rosak.
  - IV Kelonggaran dan kemudahan dalam melakukan ibadat.
- A I, II dan III.
  - B I, II dan IV.
  - C I, III dan IV.
  - D II, III dan IV.
- 9 Tanggungjawab individu kepada masyarakat adalah \_\_\_\_\_
- A Memanfaatkan alam melalui kreativiti dan inovasi.
  - B Memastikan pelaksanaan ibadah wajib di kalangan ahli keluarga.
  - C Bekerjasama menjaga keselamatan dan keutuhannya daripada dicerobohi.
  - D Mensyukuri nikmat kurniaan Allah s.w.t dengan memeliharanya sebaik mungkin.
10. Jaminan keselamatan dalam Islam merangkumi.
- I Jaminan berfikir.
  - II Jaminan bergerak bebas.
  - III Jaminan beragama.
  - IV Jaminan mendapatkan pekerjaan.
- A I, II dan III.
  - B I, II dan IV.
  - C I, III dan IV.
  - D II, III dan IV.
- 11 

Di bawah pemerintahan Islam , orang bukan Islam bebas mengamalkan ajaran agama, adat resam, dan budaya mereka.
--
- Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan \_\_\_\_\_
- A Prinsip Syumuliyah
  - B Prinsip Waq'iyyah
  - C Prinsip Rabbaniyyah
  - D Prinsip Alamiyyah

12. Berikut merupakan cara mewujudkan perpaduan ummah menurut Islam, **KECUALI**.
- A Bertoleransi dalam semua perkara antara satu sama lain.
  - B Sayang menyayangi antara satu sama lain.
  - C Hormat menghormati antara satu sama lain.
  - D Bekerjasama antara satu sama lain
13. Pernyataan di bawah adalah benar tentang ciri-ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam **KECUALI**
- A Menggalakkan kezaliman.
  - B Menafikan kekuasaan Tuhan.
  - C Memuja manusia secara berlebihan.
  - D Menyatukan antara agama dengan kehidupan.
14. Perbuatan yang boleh merosakkan harta adalah \_\_\_\_\_
- A Membayar saman had laju.
  - B Menjelaskan cukai pendapatan.
  - C Melabur dalam saham spekulasi
  - D Membeli belah keperluan keluarga.
15. Maksud alamiyyah dalam ajaran Islam ialah \_\_\_\_\_
- A Tetap dan teguh serta tidak berubah.
  - B Lengkap serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.
  - C Sesuai diamalkan bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.
  - D Boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap atas prinsip asasnya
16. Pembubaran perkahwinan dalam Islam boleh di lakukan melalui \_\_\_\_\_
- I Talak.
  - II Khulu.
  - III Fasakh.
  - IV Khidmat Kaunseling.
- A I, II dan III.
  - B 1, II dan IV.
  - C 1, III dan IV .
  - D II, III dan IV.
17. Keistimewaan sistem kehakiman Islam ialah \_\_\_\_\_
- I Mendidik jiwa agar mentaati Allah.
  - II Memajukan negara dalam pelbagai aspek.
  - III Balasan dan hukuman yang setimpal dengan kesalahan.
  - IV Undang-undang dan hukumannya kekal dan tidak berubah.
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

18. Bagi menyelesaikan masalah penindasan dalam perniagaan maka Islam menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.
- Pernyataan di atas menerangkan tentang \_\_\_\_\_
- A Al-Quran sebagai sumber hukum.  
 B Etika menyelesaikan masalah dalam Islam.  
 C Bukti Islam mampu menyelesaikan masalah.  
 D Penyelesaian masalah menurut Islam memberi keadilan.
19. Sistem kehakiman Islam membela orang yang dizalimi dengan cara \_\_\_\_\_
- I Membebaskan tertuduh jika ada keraguan.  
 II Keputusan hukuman boleh mengambil kira pandangan orang lain.  
 III Hakim bebas dari pengaruh emosi dalam membuat sesuatu keputusan.  
 IV Memutuskan hukuman tanpa ada kepentingan diri dengan mana-mana pihak.
- A I, II dan III  
 B I, III dan IV  
 C I, II dan IV  
 D II, III dan IV
20. Cara mewujudkan kesaksamaan sosial adalah \_\_\_\_\_
- I Mewujudkan hubungan baik sesama manusia.  
 II Membantu golongan yang tidak bernasib baik.  
 III Melakukan kebajikan dengan ikhlas.  
 IV Menunaikan hak-hak orang lain.
- A I, II dan III.  
 B I, II dan IV.  
 C I, III dan IV.  
 D II, III dan IV.

**BAHAGIAN B**

(20 markah)

*Jawab semua soalan*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**.

- Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.
- |   |                      | Untuk Kegunaan Pemeriksa       |
|---|----------------------|--------------------------------|
| 21. Berserah kepada Allah s.w.t setelah berikhtiar.                         | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 22. Permintaan kepada Allah s.w.t untuk memohon kebaikan atau menolak bala. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 23. Perbuatan menilai diri sendiri.   | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk  
Kegunaan  
Pemeriksa

- 24 Sahifah Madinah ialah \_\_\_\_\_ yang digubal oleh Rasulullah s.a.w. 1
- 25 Qadha ialah hukum yang diputuskan oleh mahkamah berdasarkan \_\_\_\_\_ dan hujah yang benar. 1
- 26 \_\_\_\_\_ ialah cara hidup masyarakat Islam yang berteraskan takwa. 1
- 27 Syariat yang dilakukan tanpa rasa \_\_\_\_\_ kepada Allah s.w.t. akan menjadi sia-sia. 1

Untuk  
kegunaan  
Pemeriksa

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.  
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

- |   |    |   |  |
|---|----|---|--|
| 1 | 28 | Taklif ialah satu tanggungjawab yang diberi kepada seseorang yang berakal dan baligh.       |  |
| 1 | 29 | Nasihat hendaklah secara bijaksana tanpa menyinggung perasaan orang lain.                   |  |
| 1 | 30 | Sum`aah ialah salah satu sifat mahmudah.  |  |
| 1 | 31 | Contoh Ijmak iaitu membandingkan kewajipan zakat tanaman berasaskan kewajipan zakat gandum. |  |


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan ( X ) dan ( Y ) dalam ruangan yang disediakan.

X		Y	
	Syariat tanpa ibadat		Ibadat tanpa syariat

		Pernyataan	Jawapan
1	32	Mendirikan solat sekadar memenuhi tuntutan ibadat.	
1	33	Mengerjakan solat tanpa membaca fatihah.	

1	34	Berdoa di atas kubur.	
1	35	Menipu orang ketika berpuasa.	
1	36	Menderma untuk mendapat penghormatan.	

Carta dibawah menunjukkan asal kejadian manusia.



Nyatakan asal kejadian di P, Q dan R.

- 37 I P : \_\_\_\_\_  
 38 II Q : \_\_\_\_\_  
 39 III R : \_\_\_\_\_

40 IV Nyatakan unsur utama yang membezakan antara manusia dengan haiwan.  
 \_\_\_\_\_

**KERTAS JAWAPAN**

**Bahagian A**

- |           |          |          |          |          |           |          |          |          |          |
|-----------|----------|----------|----------|----------|-----------|----------|----------|----------|----------|
| <b>1</b>  | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>11</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |
| <b>2</b>  | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>12</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |
| <b>3</b>  | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>13</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |
| <b>4</b>  | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>14</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |
| <b>5</b>  | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>15</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |
| <b>6</b>  | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>16</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |
| <b>7</b>  | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>17</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |
| <b>8</b>  | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>18</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |
| <b>9</b>  | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>19</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |
| <b>10</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> | <b>20</b> | <b>A</b> | <b>B</b> | <b>C</b> | <b>D</b> |

<b>BAHAGIAN A</b>

**KERTAS 2**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

[100 markah ]

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- 1 (a) Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan al-Quran. [2 markah ]
- (ii) Jelaskan kesan meragui kesucian al-Quran ke atas individu muslim. [4 markah ]
- (b) Manusia memerlukan ilmu untuk memakmurkan alam mengikut ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t
- (i) Huraikan **dua** kepentingan ilmu untuk memakmurkan alam [4 markah ]
- (ii) Memelihara alam merupakan kewajipan setiap manusia. Terangkan **tiga** langkah yang boleh anda lakukan untuk memelihara alam sekitar [6 markah ]
- (c) Terangkan **dua** peranan agama dalam membina tamadun yang diredhai Allah s.w.t [4 markah ]
- 2 (a) (i) Berikan maksud alamiyyah [2 markah ]
- (ii) Memelihara kehormatan diri adalah antara hak-hak asasi yang dijamin oleh Islam. Nyatakan **dua** cara untuk menjaga kehormatan diri [4 markah ]
- (b) Perhubungan sesama manusia adalah bentuk-bentuk kesyumulan Islam dalam bidang sosial
- (i) Nyatakan cara untuk meningkatkan perhubungan yang erat sesama pelajar [4 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab kesyumulan tersebut tidak tercapai [4 markah ]
- (c) Antara prinsip Waq'iyah adalah berfikiran positif dan percambahan ilmu Nyatakan cara meningkatkan ilmu bagi seorang pelajar [6 markah ]
- 3 (a) (i) Senaraikan **dua** ciri orang yang bertawakal kepada Allah s.w.t [2 markah]
- (ii) Sebagai seorang murid, huraikan **dua** langkah yang perlu dilakukan untuk mencapai kejayaan. [2 markah]
- (b) (i) Seseorang hakim memikul tanggungjawab yang besar dalam prosiding pengadilannya . Huraikan **tiga** tanggungjawab tersebut . [6 markah]
- (ii) Mengapakah hakim tidak boleh menghakimi orang yang mempunyai kepentingan dengannya ? [4 markah]
- (c) Kerajaan Malaysia telah melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan negara. Bincangkan kesan penerapan nilai-nilai tersebut. [6 markah]

- 4 (a) (i) Terangkan **dua** langkah untuk meningkatkan kualiti kerja dalam Islam [4 markah]  
 (i) Terangkan **dua** sebab Islam melarang mencero bohi harta orang lain. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** kebaikan bekerja makan gaji [4 markah]  
 (ii) Kemukakan **dua** langkah untuk membendung pencerobohan harta [4 markah]
- (c) Huraikan **dua** kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t terhadap diri individu. [4 markah]
- 5 (a) (i) Nyatakan pengertian ibadat. [2 markah]  
 (ii) Terangkan **tiga** hikmat sentiasa melakukan ibadat dalam kehidupan. [6 markah]
- (b) (i) Ibadat dalam Islam terbahagi **dua** .  
 Nyatakan bahagian ibadat tersebut serta contoh setiap satu. [4 markah]  
 (ii) Keharusan fatwa membuktikan Islam merupakan agama yang menghargai akal fikiran manusia dalam mencari kebenaran .  
 Senaraikan **dua** sumber rujukan dalam menghasilkan sesuatu fatwa ? [2 markah]
- (c) Mengapakah umat Islam perlu berpandukan fatwa dalam menghadapi era kemajuan. [6 markah]
- 6 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan jaminan keselamatan menurut Islam. [2 markah]  
 (ii) Jelaskan bentuk-bentuk jaminan keselamatan yang telah disediakan oleh Islam. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **dua** amalan yang perlu dipraktikkan dalam menyelesaikan masalah menurut Islam. [4 markah]  
 (ii) Islam telah menggariskan beberapa tujuan dalam penyelesaian masalah. Jelaskan sebabnya. [6 markah]
- (c) Berikan contoh Islam bagaimana Islam menyelesaikan masalah kejahatan umat. [4 markah]
- 7 (a) (i) Senaraikan sumber penyelesaian masalah dalam Islam. [2 markah]  
 (ii) Islam adalah agama penyelesaian.  
 Nyatakan sebab mengapa penyelesaian masalah hendaklah menurut Islam. [4 markah]
- (b) (i) Harta adalah amanah Allah s.w.t untuk manusia mengendalikannya ,  
 Huraikan **dua** bentuk ujian Allah s.w.t terhadap pemilik harta. [4 markah]  
 (ii) Mengapakan Allah s.w.t menggalakkan hambanya memiliki harta sebanyak mungkin ? [6 markah]
- (C) Fatwa merupakan salah satu sumber hukum dalam perundangan Islam. Nyatakan **dua** perbezaan antara fatwa dengan pendapat. [4 markah]

**Skema Kertas 1 set 19**

**BAHAGIAN A**

1.	A	2.	C	3.	A	4.	B	5.	D
6.	A	7.	D	8.	A	9.	C	10.	A
11.	D	12.	A	13.	D	14.	C	15.	C
16.	A	17.	C	18.	C	19.	B	20.	A

**BAHAGIAN B**

21. Tawakkal
22. Doa
23. Muhasabah
24. Perlembagaan
25. Bukti
26. Budaya Islam
27. Perhambaan
28. Betul
29. Betul
30. Salah
31. Salah
32. Syariat tanpa ibadat
33. Ibadat tanpa syariat
34. Ibadat tanpa syariat
35. Ibadat tanpa syariat
36. Syariat tanpa ibadat
37. Pati tanah
38. Tulang rusuk
39. Nuttfah
40. Akal fikiran

## SKEMA KERTAS 2

[100 markah ]

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- 1 (a) (i) Maksud al-Quran ialah Kalam Allah s.w.t yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui perantaraan malaikat Jibril, mengandungi segala peraturan untuk kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat [2 markah ]
- (ii) Kesan meragui kesucian al-Quran ke atas individu muslim. [4 markah ]
1. Menjadi sesat / kufur / murtad
  2. Tiada pedoman dalam kehidupan
  3. Tiada ketenangan jiwa
- (b) (i) **Dua** kepentingan ilmu untuk memakmurkan alam [4 markah ]
1. Dapat mencipta peralatan canggih untuk memakmurkan alam
  2. Dapat mengkaji kegunaan tumbuhan kepada manusia
  3. Dapat mengkaji segala habitat kehidupan supaya tidak pupus
- (ii) **Tiga** langkah yang boleh anda lakukan untuk memelihara alam sekitar [6 markah ]
1. membuang sampah ditempat yang disediakan
  2. mengadakan kempen kebersihan
  3. menanam pokok dipersekitaran sekolah / rumah
  4. menceriakan alam sekitar
  5. menyertai gotong-royong membersihkan kawasan sekolah
- (c) **Dua** peranan agama dalam membina tamadun yang diredhai Allah s.w.t [4 markah ]
1. membuang sampah ditempat yang disediakan
  2. mengadakan kempen kebersihan
  3. menanam pokok dipersekitaran sekolah / rumah
  4. menceriakan alam sekitar
  5. menyertai gotong-royong membersihkan kawasan sekolah
- 2 (a) (i) Maksud alamiyyah ialah Islam sesuai untuk semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman [2 markah ]
- (ii) **Dua** cara untuk menjaga kehormatan diri [4 markah ]
1. Menutup aurat dalam keadaan tertentu
  2. Berakhlak mulia sepanjang masa
  3. Menjaga batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan
- (b) (i) Cara untuk meningkatkan perhubungan yang erat sesama pelajar [4 markah ]
1. Bertolak ansur
  2. Tolong menolong

- (ii) **Dua** sebab kesyumulan tersebut tidak tercapai
1. Mementingkan diri sendiri [4 markah]
  2. Bersikap sombong / bangga diri
- (c) Cara meningkatkan ilmu bagi seorang pelajar
1. Banyakkan bacaan bahan ilmiah [6 markah]
  2. Membuat pengkajian dan penyelidikan
  3. Melakukan perbincangan berkumpulan
- 3 (a) (i) **Dua** ciri orang yang bertawakal kepada Allah s.w.t
1. Sentiasa redha menerima ketentuan Allah. [2 markah]
  2. Menguatkan azam dan semangat.
  3. Sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dalam setiap perkara yang dilakukan.
  4. Tidak mudah berputus asa dengan rahmat Allah.
- (ii) **Dua** langkah yang perlu dilakukan untuk mencapai kejayaan.
1. Membuat persediaan awal. [2 markah]
  2. Sentiasa berusaha mendalami ilmu / rajin.
  3. Tidak mudah putus asa dengan kegagalan.
  4. Berdisiplin dan membuat perancangan.
- (b) (i) **Tiga** tanggungjawab tersebut .
1. Menjatuhkan hukuman dengan adil dan saksama [6 markah]
  2. Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah
  3. Menjatuhkan hukuman tanpa ragu kepada pesalah
  4. Membebaskan tertuduh jika ada keraguan
- (ii) Sebab hakim tidak boleh menghakimi orang yang mempunyai kepentingan dengannya. [4 markah]
1. Keputusan yang adil / tidak berat sebelah
  2. Elakkan penganiyaan dan kezaliman
  3. Maruah hakim terpelihara / tidak di pertikaikan
  4. Institusi hakim akan di hormati
- (c) Kesan penerapan nilai-nilai tersebut
1. Melahirkan budaya kerja yang cemerlang yang akan memajukan negara. [6 markah]
  2. Bertanggungjawab terhadap amanah yang diberikan.
  3. Mewujudkan perpaduan, kerjasama dan bantu membantu dalam msyarakat.
  4. Sentiasa hormat menghormati antara satu sama lain.
- 4 (a) (i) **Dua** langkah untuk meningkatkan kualiti kerja dalam Islam [4 markah]
1. Sentiasa bekerja dengan ikhlas kerana Allah
  2. Sentiasa membuat perancangan yang rapi sebelum melakukan kerja
  3. Sentiasa berdisiplin dan menepati sasaran kerja
  4. Menilai hasil kerja

- (ii) **Dua** sebab Islam melarang mencerobohi harta orang lain. [4 markah]  
 1. Lahir individu yang malas bekerja  
 2. Berlaku perbuatan zalim  
 3. Tercetus huru-hara dalam masyarakat
- (b) (i) **Dua** kebaikan bekerja makan gaji [4 markah]  
 1. Mendapat pendapatan tetap  
 2. Risiko untuk rugi ditanggung bersama.
- (ii) **Dua** langkah untuk membendung pencerobohan harta [4 markah]  
 1. Memberi pendidikan agama  
 2. Memberi penerangan / kempen berterusan  
 3. Menguatkuasakan undang-undang pencerobohan harta
- (c) **Dua** kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t terhadap diri [4 markah]  
 1. Melahirkan pekerja yang ikhlas kerana Allah  
 2. Melahirkan pekerja yang amanah dalam melakukan pekerjaan  
 3. Melahirkan pekerja yang cekap dan bersungguh-sungguh  
 4. Melahirkan pekerja yang bermotivasi
- 5 (a) (i) Pengertian ibadat. [2 markah]  
 Ibadat ialah pengabdian kepada Allah s.w.t melalui perbuatan, perkataan, pengakuan hati dan yakin Allah sahaja yang layak menjadi tumpuan ketaatan.
- (ii) **Tiga** hikmat sentiasa melakukan ibadat dalam kehidupan. [6 markah]  
 1. Membaiki peribadi manusia dan menjauhi perbuatan yang dilarang Allah.  
 2. Membersihkan jiwa daripada sifat-sifat mazmumah.  
 3. Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah.  
 4. Merapatkan hubungan antara manusia.
- (b) (i) Bahagian ibadat tersebut serta contoh setiap satu. [4 markah]
- | Ibadat khusus                   | Ibadat umum                |
|---------------------------------|----------------------------|
| Contoh : Puasa, zakat dan haji. | Menuntut ilmu dan bekerja. |
- (ii) **Dua** sumber rujukan dalam menghasilkan sesuatu fatwa [2 markah]  
 1. Al- Quran  
 2. Al- Hadis  
 3. Al- Ijmak  
 4. Al- Qias
- (c) Umat Islam perlu berpandukan fatwa dalam menghadapi era kemajuan. [6 markah]  
 1. Menyelesaikan masalah dalam masyarakat berlandaskan al-Quran dan al-Hadis.  
 2. Mengelakkan masyarakat berpegang kepada hukum yang dikeluarkan oleh individu.  
 3. Memberi keyakinan kepada umat Islam untuk berpegang kepada hukum agama.  
 4. Memastikan umat Islam sentiasa patuh kepada perintah Allah.  
 5. Mengelakkan pertikaian dan perselisihan dalam masyarakat.

- 6 (a) (i) Maksud jaminan keselamatan menurut Islam. [2 markah]  
 Jaminan keselamatan bermaksud kesediaan melindungi keselamatan terhadap agama, nyawa, akal, harta, maruah dan negara.
- (ii) Bentuk jaminan keselamatan yang telah disediakan oleh Islam. [4 markah]  
 1. Jaminan beragama.  
 2. Jaminan bergerak.  
 3. Jaminan mendapat harta.  
 4. Jaminan kebebasan untuk berfikir.
- (b) (i) **Dua** amalan yang perlu dipraktikkan dalam menyelesaikan masalah menurut Islam. [4 markah]  
 1. Melalui al-Quran.  
 2. Melalui al-Hadis.  
 3. Melalui tindakan pemerintah.  
 4. Melalui dakwah.  
 5. Melalui pendidikan.  
 6. Melalui doa.  
 7. Melalui kesungguhan bekerja.  
 8. Melalui pegangan agama Islam yang teguh.
- (ii) Sebab Islam menggariskan beberapa tujuan dalam penyelesaian masalah. [6 markah]  
 1. Mengelak daripada berlakunya pergaduhan.  
 2. Supaya keputusan yang diperolehi mengikut rancangan.  
 3. Sesuatu masalah diselesaikan dengan teliti dan tekun.  
 4. Melaksanakan tuntutan syarak dalam cara berdakwah.
- (c) Contoh Islam menyelesaikan masalah kejahilan umat. [4 markah]  
 1. Mewajibkan umatnya menuntut ilmu yang bermanfaat.  
 2. Memberikan kesedaran dan motivasi kepada umat Islam agar menuntut ilmu.  
 3. Melakukan penyelidikan dan pengkajian dalam perkara baru.
- 7 (a) (i) Sumber penyelesaian masalah dalam Islam. [2 markah]  
 1. al-Quran.  
 2. al-Hadis.  
 3. al-Ijmak.  
 4. al-Qias
- (ii) Sebab penyelesaian masalah hendaklah menurut Islam. [4 markah]  
 1. Islam sesuai dengan fitrah manusia.  
 2. Hukuman dalam Islam bersifat mendidik.  
 3. Islam menuntut supaya melakukan sesuatu dengan teliti dan bersungguh-sungguh.  
 4. Islam menghubungkan amalan di dunia dengan balasan di akhirat.
- (b) (i) **Dua** bentuk ujian Allah s.w.t terhadap pemilik harta. [4 markah]  
 1. Hartanya musnah dalam kebakaran  
 2. Hartanya musnah dalam bencana alam  
 3. Dimurahkan lagi rezeki  
 4. Ditimpa dengan berbagai penyakit

- (ii) Sebab Allah s.w.t menggalakkan hambanya memiliki harta sebanyak mungkin [6 markah]
1. dapat menunaikan zakat dan haji
  2. dapat membantu golongan miskin
  3. dapat menyediakan keperluan diri / keluarga
  4. mengurangkan kadar kemiskinan
  5. mengurangkan kebergantungan kepada orang lain .

- (c) **Dua** perbezaan antara fatwa dengan pendapat. [4 markah]

Fatwa	Pendapat
• Dikeluarkan oleh majlis fatwa.	• Dikeluarkan oleh pelbagai pihak.
• Mempunyai kesan penguat kuasa undang-undang.	• Tiada kesan penguatkuasaan undang-undang.
• Merujuk kepada al-Quran, al-Hadis, al-Ijmak dan al-Qias.	• Merujuk kepada pelbagai sumber.
• Berkaitan dengan hukum agama.	• Berkaitan dengan hal umum.